

Tajuk: Peluang Menjadi Peniaga untuk Membekalkan Hasil Ternakan kepada FAMA di Pusat-pusat Operasi tertentu FAMA

Bahagian : Pemasaran Ternakan dan Akuakultur
 Pengarah Kanan: Tn. Hj. Razalli Muid
 Cawangan : Penyelaras Jualan
 Pengarah: En. Zainal Abidin Alip

Penglibatan Siswazah dalam program pemasaran ternakan dan akuakultur ialah menjadi pembekal hasil ternakan (ayam kampung, puyuh, lembu dan telur ayam) dan akuakultur (keli, tilapia dan patin) yang telah digred kepada Pusat-Pusat Operasi FAMA tertentu.

Kuantiti hasil ternakan dan akuakultur mengikut jenis dan gred yang boleh dibekalkan kepada Pusat Operasi FAMA ialah seperti berikut.

Bil	Pusat Operasi	Komoditi	Gred	Kuantiti sebulan (MT/ekor/biji)
1	Masjid Tanah	Keli Tilapia Patin	A Kolam Kolam	45 2 9
2	Seremban	Keli Tilapia	A Kolam	10 3
3	Batu Kurau	Keli	A	20
4	Puchong	Ayam Kampung		10
5	Mergong	Puyuh	A B C	22,000 15,000 5,000
6	Seberang Perai	Telur		20,000
7	Lanchang	Keli Tilapia Patin	A Sangkar Sangkar	13 9 8
8	Jerantut	Lembu		150

Perkhidmatan yang disediakan kepada siswazah yang menjadi pembekal hasil ternakan dan akuakultur kepada FAMA ialah seperti berikut

1. Kemudahan Infrastruktur

Menyediakan peralatan/kemudahan di lokasi terpilih untuk memasuki sistem rangkaian pemasaran setempat agar dapat menjalinkan kerjasama dan membantu mencapai matlamat dan objektif sector ternakan dan akuakultur Negara.

Skop perkhidmatan ialah penyediaan pusat pengumpulan ternakan dan akuakultur dan ruang pasaran runcit di pasar tani

2. Maklumat Pasaran

Mengumpul dan menyampaikan maklumat Pemasaran melalui laman web FAMA seperti risalah, bunting, poster dan bahan-bahan bercetak.

3. Khidmat Nasihat dan rundingan

Memberi panduan mengenai keperluan dan situasi pasaran dengan penekanan kepada aspek kualiti dan keselamatan makanan, halal, kepelbagaian produk hiliran dan lain-lain aspek Pemasaran.

4. Penerokaan dan Pembangunan Pasaran

Menerokai ruang pasaran baru dan memajukan saluran pasaran sedia ada.

Skop perkhidmatan ialah membantu memasarkan hasil ternakan dan akuakultur, pembangunan produk dengan meningkatkan nilai tambah produk melalui pembungkusan dan penjenamaan dan membekal bahan makanan ternakan dan akuakultur pada harga berpatutan bagi mengurangkan kos pengeluaran penternak.